

» Ragu pada diri sendiri punca wanita terlepas banyak peluang berharga

Oleh Nor Hatina Shuib  
hatina@bh.com.my

Jenama penjagaan kulit, Physiogel, melancarkan pembungkusan baharu lebih segar sempena kempen inspirasi *Bebaskan kulitku*, bermatlamat membantu wanita dalam misi membebaskan kulit kering dan sensitif yang membebakan.

Kempen ini teretus atas kesedaran susulan kajian penjagaan kulit oleh GlaxoSmithKline (GSK), Asia Wide, baru-baru ini yang



Dari kiri, Dr Irene Lee, Forsyth dan duta Physiogel, Red Hong Yi **berkongsi pandangan** sempena kempen *Bebaskan Kulitku* di The Curve, Mutiara Damansara, baru-baru ini. (FOTO AMIRUDIN SAHIB / BH)

## Kulit sensitif beri kesan kualiti kehidupan

cuba menyelami kebimbangan penjagaan kulit kering dan sensitif ramai wanita Asia.

Penyelidik mendapati, satu dalam dua wanita Asia mengatakan, masalah kulit ini memberikan kesan kepada kualiti kehidupan mereka.

Selain itu, mereka tampil kurang berkeyakinan dan tidak menikmati kehidupan dengan keceriaan.

### Tangani kulit sensitif

Kajian dijalankan dengan kerjasama Nielsen ini melibatkan 8,000 wanita di sembilan pasaran Asia Pasifik, merangkumi Singapura, Malaysia, Indonesia, Vietnam, Filipina, Taiwan, Korea Selatan

dan Hong Kong.

Pengarah Pemasaran Penjagaan Kesihatan Pengguna, Asia GSK, Helen Forsyth, berkata setiap wanita mempunyai hak untuk bebas membuat keputusan sendiri, mengejar impian dan semangat untuk bebas serta selesa dengan kulit sendiri.

“Malangnya, kulit kering sensitif menjadi punca ramai wanita bergelut dengan emosi dan ragu pada diri sendiri, menyebabkan mereka terlepas banyak peluang berharga setiap hari.

“Memandangkan separuh daripada wanita di negara ini mengalami kulit sensitif, kami mahu orang ramai bercakap dan yakin. Ini kerana kulit sensitif ini bukan sekadar isu kesihatan kulit tetapi lebih daripada itu,” katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran kempen berkenaan, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Katanya, kesihatan kulit memberi banyak kesan sosial kepada wanita dan ia perlu diberi perhatian.

Justeru, produk penjagaan kulit ini meringankan masalah dihadapi menerusi teknologi *BioMimic*, berfungsi melegakan, memperbaiki dan mengembalikan kelembapan kulit.

“Ia bertindak menggantikan lipid yang hilang dari kulit kering. Teknologi ini menguatkan dan menghidrat kulit dengan mengekalkan kelembapan penting dan menghindarkan kerengsaan pada kulit.

### Faktor kulit sensitif

Sementara itu, Profesor Madya dan Perunding Dermatologi, Universiti UCSI, Kuala Lumpur, Dr Irene Lee berkata antara pencetus kepada masalah ini termasuk perubahan iklim dan pencemaran.

“Tidak ketinggalan faktor hormon dan tekanan. Kulit sensitif mudah merengsa disebabkan penggunaan pelbagai produk penjagaan biasa, selain faktor persekitaran.

“Lazimnya, ia menjadi gatal dan menimbulkan radang

“Malangnya, kulit kering sensitif menjadi punca ramai wanita bergelut dengan emosi dan ragu pada diri sendiri, menyebabkan mereka terlepas banyak peluang berharga setiap hari”

Helen Forsyth,  
Pengarah Pemasaran  
Penjagaan Kesihatan  
Pengguna, Asia GSK

sehingga memberi kesan kepada keyakinan mereka,” katanya.

Beliau berkata, bagi mengelakkan masalah seperti ini berlanjutan, kulit sensitif perlu dirawat dengan produk bebas wangian, bebas pewarna dan tidak menimbulkan kerengsaan.

Selain itu, pilihlah produk kecantikan yang betul. Umpamanya, menggunakan bedak jenis serbuk, kosmetik larut air dan hanya menggunakan maskara mahupun celak berwarna hitam.

“Selalunya, kulit sensitif dihidapi remaja, wanita mengandung dan ketika datang haid.

“Kulit sensitif dapat dikesan selepas sapuan produk atau kosmetik dikenakan pada wajah. Kulit akan rasa terbakar secara tiba-tiba dan ada yang berlaku selepas beberapa sapuan dilakukan pada wajah,” katanya.

Justeru, beliau menyarankan masalah ini ditangani dengan pemilihan produk penjagaan wajah dan kosmetik yang baik.

